

1AES 2015 platform teroka pasaran serantau, global

» *Pertemuan usahawan muda bakal cetus idea baharu kembang perniagaan*

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Sidang Kemuncak Keusahawanan 1ASEAN 2015 (1AES 2015) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 16 hingga 22 November ini bakal mengumpul usahawan muda serantau di bawah satu bumbung.

Acara yang julung kali diadakan ini akan menjadi platform terbaik kepada usahawan muda di negara ini memajukan diri ke peringkat antarabangsa sekali gus membuka peluang untuk me-

nimba pengalaman dan pengetahuan mengenai keusahawanan dengan rakan dari negara jiran serta menjalin kerjasama bagi memasarkan produk di pasaran serantau dan antarabangsa.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata pengumuman 1AES dapat menggalakkan usahawan ASEAN untuk melangkah lebih jauh dalam perniagaan mereka dengan menerokai peluang yang ditawarkan negara serantau.

Beri faedah usahawan

"Pengumuman 1AES memberi banyak faedah untuk usahawan muda memperluaskan pasaran produk ke luar negara, meningkatkan kemahiran, mengembangkan idea menerusi pelbagai program yang diadakan pada persidangan ini," katanya.

Persidangan ini dijangkakan dapat menarik kehadiran usahawan, bakal usahawan, pemilik perniagaan, usahawan SOHO, usahawan permulaan, usahawan

SME, usahawan 'growth stage' dan 'exit-stage', ahli inovasi, pembina, pereka, penerbit, programmer, pembiaya, pelabur, ahli akademik, pembina ekosistem, operator program 'accelerator', operator program inkubasi, agensi kerajaan, wakil kementerian, ketua pegawai eksekutif dan mereka yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan.

Sepanjang seminggu 1AES berlangsung, pelbagai aktiviti dan program diadakan dan ia terbuka kepada beberapa bahagian mengikut kluster. Pengunjung boleh memilih untuk menyertai mana mana program yang disediakan.

Pengunjung juga berpeluang untuk mendengar ceramah yang akan disampaikan oleh penceramah dan ikon industri terkenal dari dalam dan luar negara selain mengikuti acara menarik seperti *hackathon*, *masterclasses*, *bootcamps*, sesi dialog dan *networking*, sesi *pitching* dan persidangan.

Sementara itu, Pengerusi Ber-

sama 1AES, Nadira Yusoff, berkata lebih 8,000 peserta dijangka menghadiri 1AES dengan 30 peratus daripada jumlah itu terdiri daripada peserta dari negara ASEAN.

Kongsi kisah kejayaan

Katanya, 1AES menjangkakan lebih 40 penceramah serantau dan antarabangsa akan memberi inspirasi usahawan di rantau ini dengan perkongsian kisah kejayaan keusahawanan.

"Pengunjung boleh melayari laman web kami dan melihat jadual program yang disediakan dan seterusnya membuat pendaftaran secara dalam talian bagi menyertai sebarang aktiviti yang mereka minati dan dirasakan bersesuaian.

"Dengan mendaftar di atas talian, ia akan membantu kelancaran majlis ini dan sekali gus memberi kemudahan buat pengunjung," katanya.

Untuk mendapat maklumat lanjut dan mendaftar sila layari laman web 1AES di 1aes.my.




"Pengumuman 1AES memberi banyak faedah untuk usahawan muda untuk memperluaskan pasaran produk ke luar negara, meningkatkan kemahiran, mengembangkan idea menerusi pelbagai program yang diadakan pada persidangan ini"

Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Jom daftar sekarang di WWW.1AES.MY

1 ASEAN ENTREPRENEURSHIP SUMMIT
16-22 NOVEMBER 2015
@Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur

Pendaftaran adalah PERCUMA!



Programmes

16-22 Nov

Jadilah usahawan masa hadapan dengan memperbaiki kemahiran sedia ada anda dan tingkatkan pengetahuan anda dalam pelbagai bidang keusahawanan dengan program-program menarik serta bermanfaat yang dapat membantu anda dalam perniagaan anda.

Permulaan
Perniagaan

Pembiayaan

Perusahaan
Sosial

Pemasaran/
Keusahawanan

Hackathon

Fesyen/
Seni Kreatif

F&B, Halal &
BioTech

Technologi/
Innovasi

Polisi



Master Classes

16-19 Nov

Tingkatkan kemahiran dan pengetahuan anda dalam segala bidang perniagaan dengan pelatih dan guru pakar yang mengendalikan program Master Classes.



Centre Stage

21-22 Nov

Memaparkan penceramah terkemuka 'Top 40' dari seluruh dunia. Inspirasi untuk anda!



Possibilities

21-22 Nov

Zon peluang yang menemukan kesemua pemain industri serta konektor di sini.

Dari idea hingga ke pasaran, dari pelan perniagaan ke pembiayaan, pengendalian dan pengesahan pemasaran, rebutlah peluang untuk membawa idea anda ke tahap seterusnya!

Cara-cara untuk ke 1AES 2015

Pelawat digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam memandangkan beberapa jalan akan ditutup sempena acara ini dan untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Perkhidmatan Shuttle

KLCC LRT, Ampang Park LRT and Times Square LRT dari 7.00 pagi ke 6.30 petang setiap hari

Perkhidmatan Teksi

• MyTumpang • MyTeksi

Tempat Letak Kereta

- Tempat letak kereta bertingkat di Jalan Binjai
- Tempat letak kereta terbuka di Kompleks Kraf Jalan Conlay
- Tempat letak kereta terbuka di Jalan Stonor
- Tempat letak kereta di Persiaran Stonor
- Tempat letak kereta antara persimpangan Jalan Stonor-Jalan Kia Peng

Koordinat GPS - 3.151178, 101.719834

